

Persekitaran Baik, Insentif Untuk Bangun Industri Teknologi Hijau - Muhyiddin Bernama
12 Oct, 2013

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang baik dan pelbagai insentif untuk menarik pelaburan asing agar dapat menjadi pemacu bagi pertumbuhan industri teknologi hijau tempatan.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan juga amat komited dalam merencana dan melaksanakan dasar serta program pembangunan teknologi hijau khususnya Dasar Teknologi Hijau Negara secara holistik.

Beliau berkata ia bertujuan mewujudkan kesinambungan pembangunan ekonomi negara yang mampan.

Menurut laporan Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), pelaburan teknologi hijau ke dalam negara dari tahun 2001-2010 yang diluluskan adalah RM10.8 bilion dengan 237 projek, di samping menjana hampir 20,000 peluang pekerjaan, kata beliau.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 90 peratus (RM9.61 bilion) telah diluluskan dalam tempoh enam bulan terkini (2007-2012) yang melibatkan sebanyak 187 projek dan menyediakan lebih 18,000 peluang pekerjaan," kata Muhyiddin dalam ucapan pada majlis penyampaian anugerah Malaysia Greentech di sini, Sabtu malam.

Justeru, Muhyiddin berkata pelaburan teknologi hijau amat mencerminkan peranan aktiviti sektor teknologi hijau sebagai pemacu ekonomi negara adalah semakin signifikan.

Beliau berkata selain itu, pelaburan tempatan sebanyak RM8.2 bilion bagi tempoh 2007-2012 meningkat hampir lapan kali ganda berbanding tempoh enam tahun (2001-2006).

"Ini turut menggambarkan kesedaran usahawan tempatan mengenai peluang-peluang perniagaan dalam bidang teknologi hijau yang boleh diterokai semakin bertambah terutamanya pasaran tempatan dan export," katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata kerajaan juga menyediakan 'Roadmap of Carbon Intensity Reduction in Malaysia' bagi melengkapkan dasar memacu perkembangan teknologi hijau dan pembangunan lestari negara.

Beliau berkata ia juga selaras dengan penyertaan Malaysia di peringkat antarabangsa untuk menerima pakai indikator sukarela bagi mengurangkan intensiti karbon negara berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar sehingga 40 peratus menjelang 2020.

"Saya dimaklumkan sehingga Mei tahun ini, Malaysia telah berjaya mencapai pengurangan intensiti pelepasan berjumlah 30.5 peratus dari sektor kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa dan penanaman pokok ke arah pengurangan intensiti.

"Pengurangan ini menepati jadual pencapaian dan bermakna bahawa Malaysia berkebolehan mencapai indikator ini menjelang tahun 2020," ujar beliau.

Di samping itu, Muhyiddin berkata Skim Pembiayaan Teknologi Hijau diwujudkan untuk menyokong industri tempatan menceburi perniagaan yang berasaskan teknologi hijau atau

berhasrat menukarkan proses kerja dan pengeluaran mereka supaya lebih mesra alam.

"Skim ini telah berjaya memberikan manfaat kepada 108 projek berasaskan teknologi hijau yang diusahakan oleh industri kecil dan sederhana tempatan dengan jumlah pembiayaan pinjaman mudah sebanyak RM1.5 bilion," katanya.

Bagi terus menyokong skim ini, Muhyiddin berkata kerajaan telah bersetuju menambah lagi jumlah pembiayaan mudah ini sebanyak RM2.0 bilion di bawah Bajet 2013.

Menyedari kepentingan penambahbaikan yang berterusan bagi menjamin kesinambungan penggunaan teknologi hijau, beliau menyeru sektor swasta dan industri supaya terus bekerjasama dengan kerajaan untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata kerajaan perlu terus mendidik kanak-kanak untuk memahami konsep dan amalan hidup hijau serta menghayati dan mengamalkan dalam kehidupan seharian.

Turut hadir Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili dan Timbalannya Datuk Seri Mahadzir Khalid.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985289>